



KENYATAAN RASMI

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

ISU BERKENAAN KELEWATAN PENGELUARAN PERAKUAN AMALAN TAHUNAN (PAT) 2026

Majlis Perubatan Malaysia (MPM) memohon maaf atas kelewatan dalam pemprosesan dan pengeluaran Perakuan Amalan Tahunan (PAT) bagi tahun 2026, susulan peningkatan mendadak permohonan yang diterima pada penghujung tahun 2025, khususnya melibatkan permohonan yang dikemukakan dengan dokumen sokongan yang diterima lewat.

Mengambil kira permohonan yang tinggi yang masih sedang diproses buat masa ini, MPM melalui kertas edaran bertarikh 3 Januari 2026 telah bersetuju bahawa mana-mana pengamal perubatan yang telah menghantar permohonan, membuat bayaran dan mematuhi syarat seperti di bawah Seksyen 20 Akta Perubatan 1971 dan Peraturan 28 Peraturan-Peraturan Perubatan 2017 sebelum atau pada 31 Disember 2025 namun masih belum menerima sijil PAT 2026 kerana permohonan tersebut masih diproses dalam sistem MeRITS, dibenarkan mengamal tanpa tindakan sehingga sijil PAT tersebut dikeluarkan, dengan syarat pengamal perubatan tersebut tidak tertakluk kepada sebarang sekatan, penggantungan atau larangan amalan di bawah mana-mana peruntukan lain Akta Perubatan 1971.

Bagi permohonan yang lengkap dan mematuhi syarat seperti di bawah Seksyen 20 Akta Perubatan 1971 dan Peraturan 28 Peraturan-Peraturan Perubatan 2017 yang dibuat sebelum atau pada 31 Disember 2025, tarikh kuat kuasa PAT adalah bermula 1 Januari 2026 atau mengikut tarikh perlindungan indemniti profesional dan tidak bergantung kepada tarikh kelulusan atau tarikh sijil dikeluarkan.

MPM menghargai kesabaran dan kerjasama semua pengamal perubatan dan ingin memastikan bahawa langkah-langkah ini diambil bagi menjamin kesinambungan perkhidmatan kesihatan kepada orang awam. MPM juga akan mengambil langkah-langkah penambahbaikan yang sewajarnya untuk memastikan bahawa permasalahan ini tidak akan berulang pada masa hadapan.

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
3 JANUARI 2026